

Pusat agropolitan biodiesel

Kawasan lebih 200,000 hektar sudah dikenal pasti di Keningau, boleh hasil 120,000 tan setahun

HM 13/2/08 M/S 24



>>Oleh Francis Andin
am@hmetro.com.my

KENINGAU: Tanah se-
luas lebih 200,000 hek-
tar di Kilometer 7 Jalan
Keningau-Tenom, di sini,
akan dimajukan sebagai
pusat pembangunan agropo-
litan projek biodiesel jarak
atau nama saintifiknya 'Jatropha
Curcas'.

Langkah itu seiring dengan
pelan Koridor Pembangunan
Sabah (SDC) yang mahukan
kawasan pedalaman turut di-
jana dengan sektor berkaitan
supaya pembangunan dapat di-
laksanakan dengan seimbang.

Projek itu bakal diusahakan
syarikat Bionas Sdn Bhd
yang akan turut memberi
tumpuan kepada produk ni-
lai tambah, sesuai dengan jar-
ak mengeluarkan hasil dalam
tempoh enam bulan dan
berupaya mengeluarkan mi-
nyak selepas diproses.

Ketua Pegawai Eksekutif
Bionas Agropolitan Techno-
logy Corridor, Zurina Am-
nan, berkata projek itu an-
tara lain sejajar dengan sa-
ranan kerajaan ke arah peng-
hasilan produk inovatif.

"Kita akan mengambil ba-

hagian secara langsung da-
lam menghasilkan bahan ba-
kar alternatif daripada tum-
buh-tumbuhan mengguna-
kan pokok jarak.

"Ketika ini seluas 800,000
hektar tanah diusahakan ba-
gi projek agropolitan di se-
luruh negara membabitkan
kira-kira 48,000 peserta ter-
masuk di Sabah," katanya.

Beliau berkata, pusat agro-
politan syarikat itu di Ke-
ningau dilengkapi kilang ber-
teknologi tinggi dan berupaya
memproses jarak untuk men-
geluarkan kira-kira 120,000
tan biodiesel setahun.

Zurina berkata, pihaknya
turut menyediakan pelbagai
kemudahan seperti penginapan
untuk pekerja, dewan,
taman rekreasi, masjid, se-
kolah dan pusat penyelidikan
penternakan benih jarak di
kawasan terbabit.

"Bionas akan membantu
penduduk mendapatkan be-
kalan anak benih jarak ber-
kualiti tinggi dan dijamin
mengeluarkan hasil selepas
enam bulan," katanya.

Sejak pertengahan tahun
lalu, katanya, syarikat itu
membuka lebih 30 pusat se-
maian di seluruh daerah, de-
ngan sebahagian besarnya
diimport dari Indonesia,
Brazil dan Thailand.

Beliau berkata, Bionas cuba
menggabungkan projek pe-
nanaman jarak itu dengan
pelbagai produk lain seperti



RIMBUN...anak pokok jarak yang ditanam di pusat semaian.

pelancongan, rekreasi dan
penternakan lembu serta
kambing.

"Ini akan membuka pelu-
ang pekerjaan kepada pen-
duduk menjadi pengusaha di
tanah sendiri dan membuka
peluang pekerjaan kepada
belia, sejajar pelaksanaan
SDC yang mahu mengurang-
kan masalah pengangguran.

"Buat permulaan, Bionas
akan membuka peluang pe-
kerjaan kepada kira-kira 500
pekerja dalam tempoh tiga
bulan ini selepas kerja mem-
bina dan menyelenggara ka-
wasan siap sepenuhnya akhir
tahun ini.

"Ketika ini, lebih 1,000 pen-
duduk setempat sudah men-
daftar untuk mengusahakan

tanaman jarak di kawasan
sendiri secara komersial,"
katanya sambil menasihati-
kan penanam mendaftar de-
ngan Bionas untuk memban-
tu mereka mengusahakan ta-
nah dengan berkesan.

Pengurus ladang pusat se-
maian jarak Keningau, An-
sus Gumpok, 48, berkata
penduduk tertarik dengan

tanaman itu selepas menda-
pati tanah di Keningau subur
dan sesuai, selain ia mudah
dikendalikan.

"Kita menyambut baik pe-
laksanaan SDC dan projek
agropolitan ini diharap da-
pat menyumbang ke arah
pembangunan ekonomi ma-
syarakat luar bandar," ka-
tanya.



LUMAYAN...Zurina (kiri) memberi penerangan mengenai pokok berkenaan yang boleh mengeluarkan hasil dalam tempoh enam bulan.